

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**  
**[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN NO. 290**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan untuk anak muda mengikut kaum, bidang dan jumlah gaji bulanan yang diterima.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perangkawan Malaysia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengklasifikasikan orang muda sebagai mana-mana individu yang berada dalam tangga usia 15 hingga 24 tahun. Penyediaan jawapan bagi soalan ini adalah menjurus kepada individu yang termasuk di dalam lingkungan umur berkenaan sahaja.
2. Jumlah peluang pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan untuk anak muda tempatan bagi tempoh Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah sebanyak 80,656.
3. Daripada jumlah tersebut, bilangan peluang pekerjaan yang diwujudkan bagi kategori bayaran upah/gaji diantara RM1,000 hingga RM2,000 adalah sebanyak 79,471 atau 98.5% manakala jawatan yang diwujudkan bagi kategori bayaran upah/gaji RM2,001 hingga RM4,000 pula adalah sebanyak 744 atau 0.9%.
4. Sementara itu bagi bilangan jawatan kategori bayaran upah/gaji RM4,001 hingga RM7,000 yang telah berjaya diwujudkan pula adalah sebanyak 283 atau 0.4% dan jumlah jawatan bagi kategori upah/gaji RM7,001 dan ke atas pula adalah sebanyak 158 atau 0.2%.
5. Secara keseluruhannya, majoriti anak muda tempatan (98.5%) masih bergiat dalam sektor pekerjaan yang menawarkan pulangan upah/gaji dalam lingkungan RM1,000 hingga RM2,000 sebulan.
6. Tiga sektor utama yang mencatatkan pembabitan tinggi anak muda tempatan adalah sektor Pembuatan (34,962) diikuti dengan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (17,939) dan sektor ketiga yang popular dikalangan anak muda adalah sektor Pembinaan (11,774).

**SOALAN NO: 290**

7. Butiran lain berhubung pengwujudan peluang pekerjaan kepada anak tempatan bagi tempoh Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah seperti di jadual dibawah.

**Jadual Menunjukkan Data Kekosongan Jawatan Mengikut Sektor Dan Penawaran Gaji Bagi Tempoh Jun 2018 Hingga Jun 2019 Untuk Anak Muda Tempatan.**

<b>Sektor</b>	<b>RM1,000- RM2,000</b>	<b>RM2,001- RM4,000</b>	<b>RM4,001- RM7,000</b>	<b>RM7,001 dan ke atas</b>
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	17,939	9	120	
Perlombongan dan Pengkuarian	51			
Pembuatan	34,962	56	122	100
Bekalan air, pembedungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	17			
Pembinaan	11,774	11		24
<b>Sektor</b>	<b>RM1,000- RM2,000</b>	<b>RM2,001- RM4,000</b>	<b>RM4,001- RM7,000</b>	<b>RM7,001 dan ke atas</b>
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,381	8		
Pengangkutan dan Penyimpanan	1,333	8	10	
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	4,633	9		34

**SOALAN NO: 290**

Maklumat dan komunikasi	228	7		
Aktiviti kewangan dan insuran/takaful	24	460	30	
Aktiviti hartanah	24	10		
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	106	43		
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,710	5		
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	16			
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja social	107	10		
Pendidikan	94	30		
Kesenian, hiburan dan rekreasi	122		1	
Aktiviti perkhidmatan lain	3,901	73		
Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri	49	5		